

11 OCT 2001

DR MAHATHIR ZIARAH AGONG DI SINGAPURA

Oleh: Mohd Nasir Yusoff

SINGAPURA, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menziarahi buat kali kedua Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang kian pulih selepas pembedahan Sabtu lepas di Hospital Mount Elizabeth di sini.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba pada 3.30 petang dan meninggalkan hospital kira-kira 5.15 petang.

Turut hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Datuk Paduka Maharajarela Istana Negara, Datuk Zubir Ali memberitahu Bernama selepas lawatan perdana menteri itu bahawa Seri Paduka berada dalam keadaan sihat dan sedang beransur pulih daripada kesan pembedahan kecil.

Dr Mahathir pertama kali menziarahi Seri Paduka sebaik baginda menjalani pembedahan itu.

-- BERNAMA

MNY MAI